



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 14 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MAHA 2022 MERAIKAN PENGUNJUNG BERTUAN KE 850,000, KOSMO -ONLINE AGROPELANCONGAN KETENGAH KONSEP 'POP UP BOOK' DI MAHA 2022, UTUSAN BORNEO (SABAH) -ONLINE EKSPORT AYAM DIBUKA JIKA TIDAK JEJAS BEKALAN NEGARA, UM -ONLINE SEDIA SEMAK SEKATAN EKSPORT AYAM, KOSMO -ONLINE KAJI SEMULA SEKATAN EKSPORT AYAM, BH -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE JUALAN RM2.4 JUTA, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9.	NILAI JUALAN LAMAN TERNAKAN MAHA 2022 MELEBIHI SASARAN, UTUSAN BORNEO (SABAH) -ONLINE MAKKAL OSSAI -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10.	FAMA YAKIN CAPAI JUALAN RM7 JUTA PADA MAHA 2022, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12.	FUN FISHING NAFAS MERIAHKAN MAHA, SH -ONLINE NAFAS PERKENAL JENTERA PREMIUM PELBAGAI FUNGSI DI MAHA 2022, UTUSAN BORNEO (SABAH) -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAHA 2022 meraikan pengunjung bertuah ke 850,000



AHMAD (dua kiri) menyerahkan cenderamata kepada pengunjung bertuah yang ke 850,000, **Shaidan** (empat dari kanan) pada Pameran MAHA 2022 di MAEPS, Serdang semalam.

SERDANG - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) 2022 meraikan pengunjung ke 850,000 semalam.

Pengunjung bertuah, **Shaidan Ahmad** dari Shah Alam, Selangor yang hadir ke MAHA 2022 bersama isteri dan dua anak perempuannya terpilih sebagai pengunjung ke 850,000.

Shaidan membawa pulang wang tunai RM1,000, bawcer MAEPS Shoppe bernilai RM1,000 dan hamper buah-buahan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, **Datuk Seri Ahmad**

Hamzah.

Kelmarin, MAHA turut meraikan pengunjung pertama bertuah ke 750,000 iaitu **Muhamad Syamim Mohd. Sharif** yang turut membawa pulang wang tunai RM1,000 dan RM500 bawcar oleh MAEPS Shoppe (MARDI Corp).

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, **Datuk Seri Ronald Kiandee** memaklumkan, hadiah istimewa akan diberikan kepada pengunjung MAHA 2022 bertuah yang ke 750,000, 800,000, 850,000, 900,000, 950,000 dan ke 1,000,000.

Menurutnya, hadiah istimewa kepada pengunjung bertuah itu ditawarkan kepada pengunjung yang hadir ke MAHA 2022, pada dua hari terakhir pameran.

"Kami menjangkakan jumlah pengunjung akan bertambah pada tiga hari terakhir MAHA 2022," katanya.

Dalam pada itu, **Ronald** berkata, sebanyak 26 memorandum persefahaman (MoU) berjaya ditandatangani sepanjang MAHA 2021 membabitkan potensi jualan melebihi RM5 bilion selain lebih RM160 juta nilai jualan secara langsung menerusi 1,500 dan pempamer.

Dalam tempoh dua hari berbaki, pelbagai jualan murah pelbagai barangan termasuk buah-buahan, beras, pokok tanaman dan pelbagai produk lain.

MAHA 2022 menysasarkan RM250 juta nilai jualan sepanjang pameran 11 hari ini.

Agropelancongan ketengah konsep 'pop up book' di MAHA 2022

SERDANG: Kluster Agropelancongan membawakan konsep baharu dengan reka bentuk 'pop up book' berunsurkan buku dan kertas dalam halaman tiga dimensi (3D) sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 semalam.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Datuk Dr. Mohammad Zabawi Abdul Ghan berkata, konsep tersebut sesuai dengan tema 'Cerita Kita' bagi mempromosikan keunikan ikon serta produk pusat agropelancongan di bawah jabatan dan agensi berpentensi untuk pasaran global.

"Di kluster ini, kita membawakan lima komponen seperti Inap Desa, Kandang dan Sangkar, Keajaiban Hianau, Hentian Santap dan 'Ka-

ching!!' berlatar belakangkan 3D," katanya ketika ditemui Bernama.

Beliau berkata, komponen Inap Desa turut menampilkan pengisian 14 pusat agropelancongan cuti inap yang menfokuskan aktiviti pendidikan dan budaya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kita juga membawakan aktiviti seperti kuiz, canting batik, DIY kraftangan dan permainan tradisional. Dalam masa sama, pengunjung juga dapat melihat demonstrasi menumbuk emping dan cantuman bunga," katanya.

Selain itu, Mohammad Zabawi berkata pengunjung juga dapat melihat keunikan pameran Diorama Taman Laut di Malaysia serta haiwan peliharaan secara interaktif dan menarik di subkomponen

'Sangkar dan Kandang'.
"Bagi Sangkar dan Kandang ini, ia sama seperti petting zoo (zoo haiwan jinak), dengan pengunjung dapat melihat haiwan seperti arnab, ayam serama, iguana (biawak) dan guinea pig. Kita juga ada bawakan Diorama Taman Laut, membolehkan mereka dapat melihat akuarium ikan marin dan terumbu karang serta belangkas," katanya.

Dibahagian Keajaiban Hijau pula, pihaknya menyediakan lebih 10 produk pertanian berkualiti tinggi bagi pengunjung untuk melihat dan merasai sendiri keunikan variasi produk tanaman hijau.

"Di sini pengunjung dapat melihat pelbagai variasi padi berkualiti dan durian tempatan, kelapa hibrid, koleksi herba dan tanaman kesihatan. Selain itu, kita juga ada aktiviti demonstrasi pemrosesan

minyak pati, dekorasi roselle dan sebagainya," katanya.

Tambahnya, sebanyak tiga program dijalankan di bahagian 'Ka-Ching!!' khususnya buat usahawan atau pengusaha pusat Agro dan Inap Desa untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada agensi MARDI dan Tourism Malaysia.

"Kita sediakan program seperti Business Matching (padanan perniagaan) kepada pengusaha yang ingin mengembangkan produk atau servis agropelancongan mereka, program Networking (rangkaiannya) bagi mereka yang ingin mempelbagaikan aktiviti perniagaan serta program Tourism Package (pakej pelancongan) bagi aktiviti pembangunan pakej produk dengan kerjasama Tourism Malaysia," katanya.

— Bernama

Ekspor ayam dibuka jika tidak jejas bekalan negara

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
ariman.asrok@mediamula.com.my

SERDANG: Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menyemak semula sekatan eksport ayam sekiranya barang mentah itu diyakini tidak menjejaskan bekalan dalam negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan akan mengutamakan kepentingan semua pihak dalam melaksanakan apa-apa keputusan.

“Rakyat nombor satu dan diikuti yang lain-lain seperti penternak, pemborong serta sebagainya, asalkan jangan mem-

beri kesan kepada kepentingan rakyat, itu yang paling penting,” katanya semasa melakukan lawatan di Pavilion Pahang, Parameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di sini semalam.

Menurut beliau, walaupun ada permintaan daripada penternak berikutan berlaku lamakan bekalan ayam dalam negara ketika ini tetapi kajian perlu dilakukan dan dibentangkan kepada Kabinet minggu depan.

“Dapatan daripada semakan akan dibentangkan minggu hadapan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Khandee secara

terperinci mengenai berapa jumlah keluaran ayam pada bulan hadapan dan apakah kesan sekiranya penarikan sekatan eksport itu.

“Kalau rasa kita boleh benarkan eksport dan bekalan dalam negara pun tidak berkurangan disebabkan itu, mungkin kita boleh pertimbangkan untuk menyemak semula.

“Kalau kita buka, takut terkesan dari segi bekalan untuk dalam negara, bila bekalan kurang harga mesti naik. Sebab itu kita minta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan tengok secara terperinci,” katanya.

Untuk rekod, berkuat kuasa 1 Jun lalu, kerajaan melaksanakan sekatan eksport ayam kebanyakannya ke Singapura melibatkan bekalan ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan.

Ia merupakan sebahagian intervensi untuk mengukuhkan sekuriti bekalan makanan negara yang bertujuan menyumbang kepada kestabilan harga makanan.

Susulan larangan itu, bekalan ayam dalam negara dilaporkan meningkat sehingga melebihi permintaan mengikibatkan harganya turun di bawah harga maksimum yang ditetapkan.

MAFI diminta melihat perincian pengeluaran ayam supaya bekalan tidak terjejas

Sedia semak sekatan eksport ayam

Omeh SITI ATSYAH SUKAIMI

SERDANG - Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menyenak semula sekatan eksport ayam ke luar negara, sekiranya ia tidak menjejaskan bekalan di dalam negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau sudah meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk melihat secara terperinci pengeluaran ayam untuk bulan depan serta akan dibenarkan dalam mesyuarat Kabinet minggu depan.

"Kita akan berbincang iaitu kalau kita boleh benarkan eksport dan dalam masa sama bekalan dalam negara tidak berkurangan, mungkin kita boleh pertimbangkan untuk mengkaji semula (sekatan eksport)."

"Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee akan bantangkan secara terperinci ramalan jumlah pengeluaran ayam untuk bulan depan.

"Adakah ia akan memberi kesan kalau eksport ayam itu + dilepaskan," katanya kepada Pengerusi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, secara purata eksport ayam ke luar negara kira-kira 3.6 juta ekor untuk sebulan sekali gus sekatan tersebut perlu dibincangkan secara terperinci.

"Kita takut apabila buka eksport, ia memberi kesan kepada bekalan dalam negara. Apabila bekalan kurang, harga ayam mesti naik disebabkan permintaan



Kita akan berbincang iaitu kalau kita boleh benarkan eksport dan dalam masa sama bekalan dalam negara tidak berkurangan, mungkin kita boleh pertimbangkan untuk mengkaji semula (sekatan eksport)."

ISMAIL SABRI

ISMAIL SABRI (tengah) melihat pameran produk FAMA ketika melawat MAHA 2022 semalam.

melebihi bekalan.

"Justeru kita melihat kepentingan semua pihak di mana rakyat adalah nombor satu selain penternak dan pemborong," katanya.

Pada 4 Ogos lalu, Ronald dilaporkan berkata, sekatan pengeksportan ayam daging hidup yang masih berkuat kuasa adalah bersifat sementara, iaitu sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil sepenuhnya.

Terdahulu, kerajaan memutuskan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan dihentikan mulai 1 Jun sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil dengan keutamaan terhadap bekalan rakyat negara ini.



ORANG ramai membanjiri hari-hari terakhir pameran dwi tahunan MAHA 2022 yang akan melabuhkan tirai hari ini di MAEPS, Serdang semalam.

Kaji semula sekatan eksport ayam

MAFI akan bentang perincian elak bekalan dalam negara terjejas

Oleh Zamariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Serdang: Kerajaan sedia menyemak semula sekatan eksport ayam ke luar negara, jika bekalan dalam negara sentiasa mencukupi dan tidak berkurangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, akan membentangkan secara terperinci pada mesyuarat Kabinet minggu depan mengenai jumlah pengeluaran ayam pada bulan depan dan sama ada tindakan eksport semula boleh memberi kesan kepada bekalan tempatan.

"Kita takut nanti, jika kita buka eksport yang membabitkan 3.6 juta ekor ayam, ia akan memberi kesan kepada bekalan dalam negara."

"Jika bekalan kurang, harga mesti naik kerana permintaan melebihi bekalan. Jadi, sebab itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan melihat perkara ini dari segi ramalan pengeluaran bulan depan."

"Insya-Allah, kita akan melihat kepentingan semua pihak, rakyat nombor satu. Begitu juga penternak, pemborong dan sebagainya, asalkan jangan beri kesan kepada kepentingan rakyat," katanya ketika melawat Pavilion Pahang di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini, semalam.

Elak bekalan ternakan

Sebelum ini, penternak ayam meminta kerajaan menarik balik sekatan pengeksportan secara berperingkat berikutan situasi lambakan ternakan itu ketika ini, sekali gus menje-



Ismail Sabri melihat barangan yang dijual ketika melawat Pavilion sempena MAHA 2022 di MAEPS, semalam. Foto: BERNAMA

tujuan menyumbang kestabilan harga makanan.

Selain itu, Perdana Menteri memaklumkan, beliau sudah meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) supaya menyenaraikan semua

harga barangan yang sudah dan belum turun pada mesyuarat Kabinet minggu lalu.

"Ini bagi membolehkan kita fokus kepada untuk menurunkan harga barang supaya kita boleh menjamin kesejahteraan rakyat," katanya.

伊斯迈沙比利（右起）在罗纳建迪的陪同下，近距离观看编织物的制造过程（马新社图）



首相：雙方表達觀點 4日已晤國盟代表

（沙登13日讯）首相拿督斯里伊斯迈沙比利表示，他已在8月4日的国会下议院最后一天会议，与国盟总秘书拿督斯里韩沙再努丁和总财政拿督斯里阿末山苏里会面。

他今天在沙登农业博览馆（MAEPS）参观2022年马来西亚农业、园艺及农业旅游展（MAHA），向记者说：“他们表达了他们的观点，我也表达了我的观点，仅此而已，接下来上团党将在内部讨论。”

“我已经告诉（大家这次会面）了，所以没有必要再提及此事。我们的焦点是解决人民的问题，恢复经济，我想人民更想听到这方面的信息。就让我们专注于解决人民所关注的问题吧，这更重要。”

韩沙再努丁此前发文告，表达对伊斯迈沙比利未能积极履行与国盟协议一事，感到失望。他随后表示，国盟将派代表与首相会面，讨论双方协议的执行情况。

iPay88课题带入内阁讨论

伊斯迈沙比利表示，他将会把数字支付平台iPay88的持卡人数据遭入侵的课题，带到下周的内阁会议上讨论。

他说，有关事件发生后曾有许多建议被提出，包括成立皇家调查委员会（RCI）来调查过去几年发生的数据遭入侵案件。

“我们将把此事带到内阁讨论，有关于成立皇委会和其他的一些提案。”

考虑重新允鸡只出口

伊斯迈沙比利表示，如果国内鸡只供应充足且不减少，政府可能考虑重新检讨鸡只出口的禁令。

他说，农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪将在下周的内阁会议上，详细汇报下个月的鸡肉产量，以及再出口鸡只是否会影响本地的供应。

“我们担心的是，如果我们开放涉及360万只鸡的出口，将会影响国内的供应。如果供应减少，价格肯定会上涨，因为需求超过供应。因此，农业部将根据下个月的产量预测来考虑这一点。”

先照顾消费者利益

他强调，政府需要顾及各方的利益，当然人民是排在第一位的，而养殖业者、批发商等也一样。

为解决本地鸡肉供应短缺造成鸡价高涨的问题，政府宣布从6月1日起暂停每月出口约360万只鸡的措施至8月31日，直至鸡只的价格和生产恢复稳定。

此外，伊斯迈沙比利也表示，他已要求国内贸易及消费人事务部在上周的内阁会议上，列出所有已降价和未降价的商品价格。

“这是为了让我们能够专注于降低商品价格，从而保障人民的舒适生活。”

獸醫局：日均三萬人次參觀 農業展進賬240萬超目標

（沙登13日訊）截至8月11日，2022年农业、园艺和农业旅游展览会（MAHA）所有5个畜牧区的总销售额已超过240万令吉，平均每天有3万人参观。

兽医服务局（JPV）畜牧业发展部高级总监莫哈末德米兹表示，5个畜牧区的总销售额已超过了预期的200万令吉目标。

“佐渡牛则是游客的主要焦点，是促成此销售总额的最大贡献者。”

他表示，2022年MAHA

展最后一日的畜牧区闭幕活动将是玲珑鸡（ayam serama）拍卖。

他说，公众还可以参观畜牧区Livestock区，观赏山羊和绵羊的人工授精、怀孕检查以及精液的收集和分析。

“参观者若想参观种牛和智能农业技术，也可以去畜牧区的Livestock区和花园大厅区域。”

莫哈末德米兹也建议游客到宠物区进行参观，并在那里以合理的费用与动物互动、拍照和喂食。

Jualan RM2.4 juta

Serdang: Jumlah nilai jualan di semua lima zon Laman Ternakan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (Maha) 2022 melebihi RM2.4 juta dengan purata kunjungan harian 30,000 orang, setakat 11 Ogos.

Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Dr Mohd Termizi Ghazali berkata ju-

mlah itu melebihi sasaran awal iaitu RM2 juta.

“Lembu sado yang sememangnya tarikan utama pengunjung menjadi penyumbang tertinggi prestasi berkenaan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata sebagai penutup tirai Laman Ternakan, jualan lelong ayam serama akan diadakan di zon Avian Valley pada hari terakhir Mahalelay 2022, hari ini.

Nilai jualan Laman Ternakan MAHA 2022 melebihi sasaran

SERDANG: Jumlah nilai jualan di kesemua lima zon Laman Ternakan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) 2022 telah melebihi RM2.4 juta dengan purata kunjungan harian 30,000 orang, setakat 11 Ogos.

Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, jumlah itu melebihi sasaran awal iaitu RM2 juta.

“Lembu sado yang sememangnya tarikan utama pengunjung menjadi penyumbang tertinggi prestasi berkenaan,” katanya kepada Bernama ketika ditemui di sini.

Dalam pada itu, beliau berkata sebagai penutup tirai Laman Ternakan, jualan lelong ayam serama akan diadakan di zon Avian Valley pada hari terakhir MAHA 2022, hari ini (Ahad).

Mohd Termizi berkata, orang ramai juga boleh berkunjung ke zon Livestock Show Valley di Laman Ternakan untuk menyaksikan demonstrasi pernianan beradas, pemeriksaan kebuntingan serta pengumpulan dan analisis semen kambing dan bebiri pada dua hari terakhir MAHA 2022.

“Bagi pameran lembu penjantan baka dan teknologi penternakan pintar, pengunjung boleh ke zon Livestock Fair Valley dan Garden Hall,” katanya.

Beliau turut menyarankan pengunjung untuk ke zon Pet Valley, dengan mereka boleh bermesra, bergambar dan memberi makan kepada haiwan pada kadar bayaran berpatutan. — Bernama



கண்காட்சியில் சாடோ வகை மாடு

செர்டாங் மஹா கண்காட்சிக்கு

நல்ல வரவேற்பு

செர்டாங், ஆக. 14-

செர்டாங்கில் நடைபெற்ற மஹா எனப்படும் விவசாய, சுற்றுலா வேளாண்மைக் கண்காட்சியில் கடந்த ஆகஸ்டு 11ஆம் தேதி வரை 24 லட்சம் ரிங்கிட்டிற்கும் மேல் விற்பனை நடந்திருக்கிறது எனக் கால்நடைச் சேவைத்துறையின் கால்நடை மேம்பாட்டு தொழில்துறைப் பிரிவின் மூத்த இயக்குநர் டாக்டர் முகமட் தெர்மிஸி கஸாலி தெரிவித்தார்.

கிட்டத்தட்ட 30 ஆயிரம் பேர் ஆகஸ்டு 11ஆம் தேதி வரை இக்கண்காட்சியைப் பார்வையிட்டிருக்கின்றனர்.

தொடக்கத்தில் 20 லட்சம் ரிங்கிட் வரை பொருட்கள் விற்பனையாகும் என எதிர்பார்க்கப்பட்டது. ஆனால் இந்த இலக்கை மஹா கடந்துவிட்டது என அவர் சுட்டிக்காட்டினார்.

கண்காட்சியில் சாடோ வகையைச் சேர்ந்த மாடுகள் பொதுமக்களின் பார்வைக்கு வைக்கப்பட்டிருந்தன. இவை அங்கு வந்த மக்களைப் பெரிதும் கவர்ந்தன. மஹா கண்காட்சிக்கு இது தனிச்சிறப்பைச் சேர்த்தது என்று அவர் விவரித்தார்.

மக்கள் தொடர்ந்து இக்கண்காட்சிக்கு வருகை தருவதாகவும் அவர் விவரித்தார்.

FAMA yakin capai jualan RM7 juta pada MAHA 2022

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) optimis mampu mencapai sasaran jualan secara langsung RM7 juta pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022, menerusi enam kluster pameran di bawah agensinya.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali berkata, enam kluster iaitu AgroTrade, Empayar Makanan, Food Truck, Agro Bazaar, Castle of Fruit dan Agrobazar Online menunjukkan prestasi membesar dengan jumlah kutipan jualan setakat Kumaat RM6.9 juta.

"Sasaran FAMA adalah RM7 juta untuk jualan langsung melibatkan semua kluster yang dinyatakan, tidak termasuk padanan pameran. Sehingga semalam (Khamis) kita telah mencapai 64 peratus atau RM5.9 juta daripada sasaran asal yang ditetapkan.

"Penyumbang terbesar adalah daripada kluster Castle of Fruit iaitu RM3.34 juta dan kedua, Empayar Makanan dengan kutipan RM1.71



ZAINAL ABDIN

FAMA akan menyertai Malaysia Fest 2022 yang akan berlangsung di Singapura pada 25 hingga 28 Ogos ini dengan sasaran jumlah jualan terkumpul sebanyak RM7 juta.

pukul dengan bayaran perkhidmatan RMS sahaja.

Mengenal inisiatif padanan pameran, Zainal Abidin memaklumkan tiga perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) dan dua perjanjian Memorandum Perjanjian (MoA) dengan retail keseluruhan berjumlah RM451 juta telah dimeterai bagi membantu golongan perniaga meluaskan scope perniagaan mereka.

Katanya, kerjasama strategik itu mampu membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan meneroka pasaran eksport produk berasaskan agromakanan ke luar negara antaranya China dan Jepun.

Sementara itu, FAMA akan menyertai Malaysia Fest 2022 yang akan berlangsung di Singapura pada 25 hingga 28 Ogos ini dengan sasaran jumlah jualan terkumpul sebanyak RM7 juta.

"Setakat ini, 203 daripada 217 vendor telah ditempah dan sukacita saya kongsi bahawa empat negeri iaitu Sabah, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak sudah mengesahkan penyertaan mereka dalam pameran berkenaan.

"Malaysia Fest 2022 tidak hanya tertumpu kepada agromakanan tetapi meliputi pelancongan, fesyen dan sebagainya yang melibatkan industri di Malaysia.

"FAMA menyasarkan jualan pada tahun ini sebanyak RM7 juta dengan potensi jualan berjumlah RM15 juta. Insya-ALLAH ia akan dicapai," katanya.



Zainal Abidin di hadapan pusat jualan bagi Kluster Castle of Fruits yang menjadi penyumbang terbesar iaitu RM3.34 juta.

juta diikuti Food Truck (RM509,000), AgroTrade (RM2,790,000), AgroBazar Online (RM31,000) dan KopiSatu (RM73,000).

"Saya lihat pencapaian FAMA di MAHA pada kali ini amat baik dan menjangkakan boleh mencapai atau melebihi sasaran ekoran trend jualan harian bukan hujung minggu adalah RM800,000 hingga RM900,000. Pada Sabtu dan Ahad, jualan boleh capai lebih RM1 juta," katanya kepada Sinar Harian pada Kumaat.

Mengulas mengenai luster turpuan iaitu Castle of Fruits, ia menyediakan 11,111 vassel produk merangkumi buah-buahan tempatan, sayur-sayuran, florikultur dan input pertanian melibatkan 60 lot jualan.

Katanya, FAMA turut menyediakan perkhidmatan penghantaran ke kenderaan menggunakan motosikal tiga roda bagi memudahkan pengunjung membeli-belah secara



Fun Fishing Nafas meriahkan MAHA

150 pemancing bersaing
rebut hadiah utama wang
tunai RM500

Oleh RAJA NUR FAZNE AIDA
SERDANG

Sehari sebelum berakhirnya pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada Ahad, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah mengadakan pertandingan memancing, *Fun Fishing*.

Lebih mengujakan apabila acara berkenaan disertai pelbagai lapisan masyarakat berbilang kaum.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, pertandingan memancing itu merupakan acara tahunan Nafas sempena penganjuran MAHA.

Tambah beliau, ia juga bertujuan untuk memberikan pengalaman kepada peserta untuk menikmati pemandangan semula jadi Nafas Cube yang terletak di Tasik Institut Penyelidikan dan



Zamri (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada Chun Hong sambil disaksikan Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Muis Picho (kiri) dan Datuk Ismail Umar (dua dari kiri) bersama Saripol Baharin (kanan).

Pembangunan Malaysia (MARDI), Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

"Pertandingan memancing ini memang setiap kali kita anjurkan di MAHA. Kita adakan sejak tahun 2016 dan 2018 di tempat yang sama.

"Tujuan kita adakan *Fun Fishing* ini untuk memertihahkan legi MAHA selain menggalakkan lebih ramai pengunjung

datang menikmati pemandangan semula jadi Nafas Cube. Orang ramai juga boleh merasa sendiri pengalaman menginap di dalam kontena malah sesuai untuk melakukan aktiviti riadah bersama ahli keluarga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan *Fun Fishing* di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani dan pemangku Pengurus Besar Nafas,



MAHA 2022
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agritourism Show

Saripol Baharin Karim.

Seramai 150 peserta terlibat dalam acara yang bermula pada jam 8 hingga 11 pagi itu.

Sementara itu, Siew Chun Hong, 24, dinobatkan juara dalam pertandingan *Fun Fishing* apabila berjaya menaikkan ikan seberat 2.35 kilogram (kg), sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM500.

Selain pertandingan memancing, Nafas juga menganjurkan pelbagai aktiviti menarik di Pavillion Nafas di Dewan A, MAEPS pada Sabtu.

Orang ramai juga diharap tidak melepaskan peluang untuk menyertai cabutan bertuah dengan hadiah ditawarkan seperti bar emas seberat 50 gram, telefon bimbit, basikal lipat, tablet, setenaka stm, televisyen dan banyak lagi.

NAFAS perkenal jentera premium pelbagai fungsi di MAHA 2022

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memperkenalkan jentera pertanian baharu di bawah jenama CASE IH sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Laman Mekanisasi, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) berlangsung sehingga Ahad ini.

Pengurus Bahagian Kejenteraan NAFAS Mohamad Fauzie Tamin berkata, model dipasarkan adalah JX Straddle, Farmall JX dan Farmall JXM adalah jentera pelbagai fungsi dan mampu memudahkan aktiviti kerja golongan petani serta peladang sebanyak 80 peratus.

Beliau berkata, jentera

tersebut direka khusus untuk kegunaan kerja-kerja lasak seperti disawah, ladang sawit dan kawasan pertanian.

“Golongan petani juga dapat menjimatkan kos operasi mereka berikutan tidak lagi perlu menggunakan jentera berbeza untuk kegunaan tertentu,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, jentera pertanian berkualiti premium itu direka bagi memenuhi kehendak pengguna untuk kapasiti kawasan ladang atau sawah berskala kecil dan besar.

“Bagi kegunaan di kawasan sawah, jentera ini boleh digunakan untuk aktiviti seperti membaja, menyemai, mengangkut barang-barang baja dan

lain-lain manakala kawasan ladang sawit dan kawasan pertanian, ia turut digunakan untuk tugas-tugas lasak seperti mengangkut buah, tanaman, meracun dan sebagainya,” katanya.

Mohammad Fauzie berkata, jentera pertanian jenama CASE IH itu mendapat permintaan dengan berangsan dengan sebagai permulaan, 39 unit telah diimport dan 22 unit terjual.

NAFAS menjadi pengedar traktor jenama itu bermula Mei 2021 dan diberi hak eksklusif sebagai ejen jualan, pendedar alat ganti dan servis pembaikan bagi model dan barang-barang di bawah jenama tersebut di Malaysia.

— Bernama